

SENARAI SEMAK PENAGIHAN DADAH

Adakah Anda Atau Orang Yang Anda Sayangi Mengalami Simptom-simptom Berikut?

- Pengambilan dadah secara berterusan.
- Dos dadah yang diambil semakin bertambah minggu ke minggu.
- Mengalami gejala putus dadah, seperti sakit-sakit badan, muntah, cirit dan lain-lain apabila anda tidak mengambil dadah.
- Sukar atau gagal untuk mengurangkan pengambilan dadah.
- Menumpukan lebih masa untuk aktiviti menggunakan dadah seperti mencari, membeli dan mengambil dadah.
- Tidak berminat dengan aktiviti sosial, sukan, pembelajaran, atau rekreasi disebabkan oleh pengambilan dadah.
- Meneruskan tabiat pengambilan dadah walaupun mengetahui ia memberi kesan yang negatif kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Sekiranya anda atau orang yang anda sayangi mengalami 3 atau lebih simptom di atas, anda mungkin mengalami masalah penagihan dadah.

Dapatkan bantuan dan hubungi kami segera.

(Sumber: The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders IV yang diterbitkan oleh American Psychiatric Association)